

Sumbang sejuta tudung kepada masyarakat Islam Kemboja

JERANTUT 28 Mac - Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (Angkasa) akan menyumbangkan kira-kira sejuta tudung dan lain-lain keperluan kepada masyarakat Islam di Kemboja khususnya kepada pelajar di negara itu.

Presiden Angkasa, Datuk Abdul Fattah Abdullah berkata, sebanyak 20,000 tudung dan wang tunai berjumlah RM50,000 telah disumbangkan

kepada Persatuan Wanita Islam Kemboja minggu lalu untuk diagihkan kepada wanita Islam di situ.



**ABDUL FATTAH
ABDULLAH**

“Peng-

hantaran peringkat kedua sumbangan dijangka pada awal Mei, iaitu sebelum Ramadan. Angkasa berharap menerima sumbangan dalam bentuk wang tunai untuk disalurkan kepada dua pusat jahitan yang diusahakan wanita Muslim di Phnom Penh.

“Sumbangan ini adalah tanggungjawab Angkasa dalam membekalkan produk keagamaan termasuk buku, al-Quran, sejadah dan lain-lain kepada masyarakat Islam Kemboja,” katanya dalam sidang akhbar selepas merasmikan Mesyuarat Tahunan Persidangan Angkasa Pahang Zon Dua di Pusat Teknologi Tinggi Jerantut, di sini hari ini.

Mengulas lanjut, Abdul Fattah berkata, sumbangan tanggungjawab sosial korporat (CSR) tersebut diberikan setelah kerajaan Kemboja memberi kebenaran kepada wanita Islam di negara berkenaan untuk memakai tudung.

Menurutnya, selain tudung yang diberikan menerusi Program Sejuta Tudung, Angkasa juga menyumbangkan kain pelekut kepada golongan lelaki dan alat tulis kepada kanak-kanak di negara berkenaan.

Beliau berkata, koperasi serta umat Islam yang ingin membantu boleh menyalurkan sumbangan kepada Angkasa menerusi akaun CIMB Islamic Bank 8600445433.